

Abdullah ketuai pilihan raya

UM 27 JUL 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL -
dan YUSRI SAHAT

GENTING HIGHLANDS 26 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin akan mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kemungkinan itu tidak dapat dielakkan kerana pada masa itu Abdullah adalah Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Menurutnya, ketika itu beliau sendiri yang tidak lagi memegang sebarang jawatan dalam kerajaan dan parti akan memberi bantuan dan sokongan dari luar.

Beliau turut berkeyakinan bahawa Abdullah apabila memegang jawatan Perdana Menteri kelak akan mengekalkan prestasi BN dalam pilihan raya umum.

Menerajui

“Ya, ya kenapa tidak, beliau (Abdullah) adalah Pengerusi Barisan Nasional, dia akan ketuai (BN pada pilihan raya umum akan datang).

“Lagi pun, bukan saya yang nak pilih (calon BN pada pilihan raya umum akan datang), Datuk Seri Abdullah yang nak pilih. Bila kita ada pilihan raya, kemungkinan ialah Datuk Seri Abdullah jadi Perdana Menteri dan Pengerusi BN,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Hotel First World dan Plaza di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas sama ada Abdullah yang diisytiharkan oleh beliau sebagai bakal penggantinya selepas Oktober tahun depan akan menerajui BN pada pilihan raya umum ke-11.

Terdahulu daripada itu, Dr. Mahathir menjelaskan laporan akhbar hari ini yang memetikinya sebagai berkata bahawa beliau mahu kesemua 14 parti dalam komponen BN menerima apa sahaja keputusan yang bakal dibuatnya berhubung pembahagian kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Semasa berucap dalam majlis penutup

■ Lihat muka 4

UM 27 JUL 2002

Abdullah ketuai pilihan raya

Konvensyen BN Johor di Johor Bahru semalam, Dr. Mahathir berkata, dia membuat rayuan awal berhubung pengagihan kerusi itu supaya apabila beliau selaku Pengerusi BN sudah membuat keputusan mengenainya, diharapkan semua dapat menerima.

Jelas Perdana Menteri, ucapannya di Johor semalam itu bukan merujuk mengenai pilihan raya umum (tarikhnya) sebaliknya menyentuh soal pengagihan kerusi apabila berlaku penambah jumlah berikutan persempadanan baru oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menurutnya, “beliau sebenarnya pelik mengapa media menumpukan berita mengenai intipati ucapannya di Johor Bahru semalam dengan memfokuskan isu pembahagian kerusi pilihan raya untuk parti komponen BN.

Sedangkan, jelas beliau, ucapannya yang banyak menyentuh aspek kebaikan dan sejarah penubuhan BN semasa era Presiden UMNO pertama, Datuk Onn Jaafar dan kedua, Tunku Abdul Rahman tidak difokuskan.

“Saya cuma kata sahaja, tak ada apa-apa. Lagipun bukan saya yang nak pilih (calon BN), Datuk Seri Abdullah yang nak pilih,” katanya.

Ditanya sama ada kenyataannya yang merujuk Abdullah akan menerajui BN pada pilihan raya umum akan datang bermakna pilihan raya akan diadakan selepas Oktober 2003, Dr. Mahathir berkata:

“Nanti you tengoklah. Saya dapati press (media) suka sangat pasal pilihan raya. Baru sahaja selesai pilihan raya, dia nak cakap (lagi) pasal pilihan raya.”

Mengulas momentum dalam negara sekarang kelihatan kemenangannya memihak kepada BN jika pilihan raya umum diadakan sekarang atau tahun depan, beliau berkata: “Itu you (awak) punya pendapat.”

Tegas Dr. Mahathir lagi, RN sentiasa bersiap-sedia menghadapi pilihan raya umum jika diadakan bila-bila masa dari sekarang.